



BULETIN QSHE

1/2016

**Jabatan Kualiti , Keselamatan , Kesihatan dan
Persekitaran**

- 1. Kata – Kata Aluan Penerbit**
- 2. Kata-kata Aluan Ketua Penyelaras EXCOM**
- 3. Objektif Korporat, Visi dan Misi Syarikat**
- 4. Nilai-nilai bersama Syarikat.**
- 5. Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan**
- 6. Persekutaran**
- 7. Kualiti**
- 8. Statistik QSHE**
- 9. 5S Audit**
- 10. Townhall November 2015**



TOWARD



KUMPULAN SEMESTA SDN BHD

(milikan penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan))

**Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan**

T : 03-5518 7735 F : 03-5518 7736

url : www.semesta.com.my

Kata-Kata Aluan Penerbit	Kata-Kata Aluan oleh Ketua Penyelaras Excom
<p>Assalamu'alaikum w.b.t</p> <p>Kepada semua kakitangan Kumpulan Semesta Sdn.Bhd.</p> <p>Alhamdulillah syukur kehadrat Allah S.W.T. dengan izin bulletin QSHE ini dapat disiapkan walaupun dengan kekangan waktu dan Insyallah kandungannya akan diperbaiki dari masa ke semasa. Harapan penerbit agar semua pihak dapat mengambil faedah dari intipati buletin ini untuk dijadikan panduan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti harian.</p> <p>Pernerbitan sulung ini akan dibahagikan kepada beberapa segmen iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Journal Keselamatan 2. Journal Kesihatan 3. Journal Persekitaran 4. Journal Kualiti 5. Aktiviti "QSHE" dan Syarikat. <p>Pihak penerbitan juga berharap sumbangan artikel-artikel dan buah fikiran dari semua pihak bagi penambahbaikan buletin ini di masa akan datang. Sila emailkan ke QSHE@semesta.com.my.</p> <p>Wasalam</p> <p>Penerbit Mohamad Fadzil Yahya Ketua Jabatan, Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran</p>	<p>Dan katakanlah "Bekerjalah kamu, maka ALLAH akan melihat pekerjaanmu begitu juga RasulNya dan orang-orang mukmin, dan kamu akan dikembalikan kepada (ALLAH) Yang Maha Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan" At-Taubah, 105</p> <p>Alhamdulillah, terbit julung kalinya Buletin QSHE ini. Ia adalah wadah untuk semua kakitangan menyemai budaya QSHE dalam kehidupan seharian. Syarikat menuju ke arah pencapaian sijil kualiti ISO 9001:2015 dan ISO 14001: 2015</p> <p>Langkah awal, setiap Jabatan telah melantik seorang wakil bagi menyelaraskan pencapaian 5S dan kawalan dokumentasi. Disusuli pula dengan latihan komprehensif yang dijadualkan bermula Januari 2016 kepada wakil-wakil Jabatan dan semua kakitangan.</p> <p>Buletin QSHE ini diwujudkan bersesuaian dengan inisiatif penjenamaan syarikat ("branding") dan seiring dengan MISI syarikat iaitu komited menguruskan sumber asli mineral secara professional dengan memberi penekanan kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tadbir Urus Korporat Yang Baik; 2. Kecemerlangan Operasi; 3. Pertumbuhan Ekonomi; 4. Pembangunan Masyarakat; dan 5. Kepentingan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. <p>Ayah ikhlaskan hati bersama merealisasikan misi syarikat dan menjadi Khalifah Yang Berjaya di dunia dan di akhirat.</p> <p>"Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk ALLAH, Tuhan semesta alam" Al An'aam, 162</p> <p>KETUA PENYELARAS EXCOM Abdul Rahman Bin Ishak</p>

MENDOKONG AGENDA MAKMUR SELANGOR, SYARIKAT TELAH MENJENAMAKAN SEMULA OBJEKTIF SYARIKAT, VISI, MISI DAN NILAI-NILAI BERSAMA (“SHARED VALUE”)

OBJEKTIF KORPORAT

ORGANISASI YANG MENGURUSKAN PENGEKSPLORASIAN, PENGEKSTRAKAN, PENGELUARAN DAN PENJUALAN PASIR, BAHAN BATUAN DAN SUMBER – SUMBER MINERAL DI NEGERI SELANGOR UNTUK MENGOPTIMUMKAN PULANGAN PEMEGANG SAHAM

VISI

MENJADI PENERAJU UTAMA DALAM PEMBANGUNAN SUMBER ASLI MINERAL

MISI

KOMITED MENGURUSKAN SUMBER ASLI MINERAL SECARA PROFESSIONAL DENGAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA:

- TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK
- KECEMERLANGAN OPERASI
- PERTUMBUHAN EKONOMI
- PEMBANGUNAN MASYARAKAT
- KEPENTINGAN KESIHATAN, KESELAMATAN & ALAM SEKITAR

KSSB SHARED VALUE (ENGLISH VERSION)

INTEGRITY

Honesty in what we say, do and think (highest ethical standard)

CUSTOMER ORIENTED

We constantly focusing on a customer in all areas of our business and places customer satisfaction at the core

OPERATIONAL EXCELLENCE

We persistent in pursuing continuous improvement and forward thinking, planning and execution to expand our business

UNITY

We shall succeed together

HEALTH, SAFETY ENVIRONMENTAL CONCIOUSNESS

We eliminate at-risk behaviour and be injury free
We exemplify the responsible and wise use of natural resources

KSSB SHARED VALUE (MALAY VERSION)

BERINTEGRITI

Kejujuran dalam apa yang kami katakan, lakukan dan fikirkan (Etika yang tinggi)

MESRA PELANGGAN

Kami sentiasa memberi tumpuan kepada pelanggan dalam semua bidang perniagaan kami dan meletakkan kepuasan pelanggan sebagai teras utama

KECEMERLANGAN OPERASI

Kami secara berterusan melaksanakan penambahanbaikan dan berfikiran kehadapan dalam setiap perancangan dan perlaksanaan untuk mengembangkan perniagaan kami

BERSATU

Kami menempuh kerjayaan bersama

KESEDARAN KEPENTINGAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN

Kami menyingkirkan tingkah-laku yang berisiko dan memastikan tiada kecederaan.
Kami bertanggungjawab dalam menggunakan sumber semulajadi dan menjadi contoh kepada semua

JOURNAL KESELAMATAN

Apa itu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan?

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan merupakan satu bidang yang bertujuan melindungi [kesihatan](#), [keselamatan](#) dan [kebajikan](#) pekerja. Keselamatan tempat kerja merupakan suatu aspek penting di dalam sesebuah organisasi syarikat. Ia merupakan salah satu tanggungjawab majikan di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 untuk mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan para pekerja ketika bekerja di dalam sesebuah syarikat. Akta ini dikawalselia oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dari Kementerian Sumber Manusia.

Sejarah

Keselamatan Pekerjaan diperkenalkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera dari Kementerian Sumber Manusia berikutan [peristiwa](#) letupan kilang mercun *Bright Sparkler* di [Sungai Buloh](#) yang berlaku pada 1991. Ketika berlakunya kejadian tersebut, berpuluh-puluh pekerja terperangkap dan seramai 26 orang terkorban di dalam insiden tersebut.

Selepas 1994, sebuah akta ditubuhkan dan diberi nama Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994. Jabatan Kilang dan Jentera mula menguatkuasakan akta ini dan seterusnya nama jabatan tersebut ditukar kepada Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.

Prinsip

Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 dirangka berdasarkan enam prinsip iaitu:

- Pencegahan kemalangan adalah sebahagian daripada aspek penting pengurusan dan kemahiran yang baik
- Pihak pengurusan dan pekerja mestilah bekerjasama dalam memastikan tempat kerja bebas daripada sebarang kemalangan
- Penglibatan pihak atasan adalah diutamakan dalam memimpin perlaksanaan keselamatan di tempat kerja
- Dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah dirangka dan diketahui oleh semua pekerja di tempat kerja
- Organisasi dan sumber yang perlu hendaklah dibangun dan disediakan bagi menyokong ke arah kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pengetahuan dan kaedah tersedia yang terbaik digunakan

Keenam-enam prinsip tadi merupakan asas di dalam pembinaan dan perangkaan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994

JOURNAL KESIHATAN



BACK PAIN (SAKIT BELAKANG)

PENGENALAN

Sakit belakang kerap dialami oleh kebanyakkan orang dewasa samada sakit sedikit atau teruk. Struktur dan fungsi tulang belakang menyebabkan bahagian belakang lebih cenderung mengalami kesakitan atau kecederaan. Tulang belakang yang menyokong badan kita mempunyai 33 tulang vertebrae berasingan yang dipisahkan oleh pelapis kartilej bolehsuai yang dipanggil 'disc' atau piring. Ia dikelilingi dan disulami dengan ligamen, otot, dan saraf. Sakit belakang boleh terjadi bila berlaku pergerakan yang salah atau secara tiba-tiba, terlalu banyak tekanan bebanan apabila membawa atau mengangkat barang berat, atau posisi badan yang lemah. Walaupun biasanya masalah ini tidak serius dan boleh diatasi dengan mudah namun kadang kala ia boleh disebabkan oleh penyakit atau kecederaan yang terjadi pada tulang belakang, atau bagi sesetengah kes yang jarang berlaku iaitu penyakit pelvik dan abdomen seperti batu karang dan jangkitan.

TANDA-TANDA

Sakit atau sengal pada bahagian belakang, biasanya pada bahagian pinggang.

SEBAB-SEBAB

- Kecederaan otot, seperti:
 - * Bentuk badan yang lemah - disebabkan oleh otot abdomen dan belakang lemah, postur yang lemah, terlalu lama duduk, berdiri atau membongkok dan kurang bersenam.
 - * Kecederaan - hasil daripada pergerakan secara tiba-tiba atau terlalu kuat, atau cara yang salah mengangkat barang berat.
 - * Kekejangan - disebabkan oleh stres atau tekanan.
- Terdapat penyakit tulang, sendi atau penyakit-penyakit lain seperti arthritis atau ketumbuhan.
- Kegemukan yang mana memberi bebanan kepada tulang belakang.
- Kasut bertumit tinggi, yang mana menolak pinggang kehadapan dan meletakkan bebanan berlebihan ke atas bahagian bawah belakang.
- Bagi wanita , sakit belakang terjadi ketika sebelum atau semasa haid.

LANGKAH YANG PERLU ANDA AMBIL

- Sekiranya anda duduk, berdiri atau membongkok untuk tempoh yang lama, ubah kedudukan anda setiap 30 minit.
- Mengamalkan postur (posisi badan) yang baik.
- Memastikan anda tidur dalam posisi yang betul.
- Tukar tilam kepada tilam yang lebih kemas yang boleh menyokong belakang anda.
- Ambil ubat tahan sakit yang sederhana kekuatannya. Urut bahagian yang sakit dengan minyak , krim atau salap yang dapat menahan sakit atau mencegah bengkak.
- Jika anda menerima rawatan bagi penyakit tekanan darah tinggi, sila ambil ubat-ubat tersebut mengikut peraturan dan jangan berhenti tanpa merujuk kepada doktor.
- Jika anda gemuk, berusahalah untuk mengurangkan berat badan.
- Selalulah bersenam.
- Tuam belakang anda dengan bahan panas seperti botol air panas, tuala panas, dedahan kepada sinaran lampu infra red, untuk kira-kira 15 minit sekali atau dua kali sehari.
- Elakkan daripada memakai kasut bertumit tinggi.
- Rujuk doktor apabila sakit tidak hilang atau menjadi lebih teruk , kaki anda menunjukkan tanda-tanda lemah, atau anda mengalami masalah mengawal kencing.
- Panggil ambulan jika sakit belakang anda disebabkan oleh terjatuh atau terhentak pada bahagian tersebut

PETUA MENCEGAH

- Amalkan postur yang baik dengan memastikan bahagian belakang anda tegak.
- Gunakan kerusi yang dapat menyokong belakang anda dengan baik.
- Tidur atas tilam yang sesuai (tidak terlalu lembut) dan elakkan berbaring dengan muka ke bawah.
- Elakkan daripada duduk, berdiri atau membongkok terlalu lama.
- Jangan mengangkat beban yang berat dengan membongkok.
- Lakukan senaman terutama senaman yang dapat menguatkan otot abdomen dan belakang.
- Jika berat anda meningkat, berusahalah untuk mengurangkannya bagi meringankan beban kepada tulang belakang.
- Elakkan memakai kasut bertumit tinggi.

JOURNAL PERSEKITARAN



Pengenalan Mengenai Alam Sekitar

Terdapat 4 komponen penting dalam alam sekitar :

1. Biosfera (Sistem Ekologi) – Iaitu melibatkan Flora dan Fauna (Tumbuhan dan Haiwan)
2. Litosfera (Sistem Geomofologi) – Mineral dan Tanah
3. Hidrosfera (Sistem Hidrologi) – Air dan Marin
4. Atmosfera (Sistem Atmosfera) – Udara dan angin. Sumber – sumber dari alam sekitar fizikal digunakan untuk aktiviti pembangunan ekonomi dan sosial.

Kepentingan Alam Sekitar Menurut Pandangan Islam

Kepentingan komponen – komponen ini sebagai sumber alam kepada manusia dan haiwan ialah sebagai:

- Tempat tinggal
- Tempat menyimpan sisa-sisa buangan
- Tempat menyimpan dan menapis air
- Tempat untuk pengeluaran hasil pertanian dan ternakan
- Alat bersuci (tayammum)
- Sumber sedekah
- Sumber makanan dan minuman
- Sumber tenaga
- Tempat mencari rezeki
- Jalan Pengangkutan
- Alat bersuci
- Agen pendebungaan
- Membawa hujan ke kawasan tandus
- Membersihkan keadaan udara yang busuk

TOWARDS



JOURNAL KUALITI

“Results come from doing the right things, not from doing the thing right”

“There cannot be improvement without new ideas, and there cannot be new ideas without the participant of all”.

1. Apakah maksud kualiti ?

Definisi kualiti di bawah keluarga MS ISO 9000 ialah keseluruhan ciri-ciri sesuatu entiti (produk atau perkhidmatan) yang dapat memenuhi kehendak pelanggan yang dinyatakan dan yang tersirat.

2. Apakah Pengertian ISO dan ISO 9000?

- i. “ISO” yang bermaksud “equal” ialah satu nama samaran bukan akronim untuk **“International Organization for Standardization” (IOS)**.
- ii. **“International Organization for Standardization” (IOS)** adalah pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1947 dan beribu pejabat di Geneva, Switzerland.

3. Apakah itu MS ISO 9000?

Sistem pengurusan kualiti berasaskan prinsip kepastian . Kualiti menyediakan rangka kerja kearah mewujudkan amalan pengurusan pengurusan yang berkesan dikenal pasti melalui pengiktirafan asas perlaksanaan TQM (Total Quality Management).

4. Apakah itu MS ISO 9000?

- i. Satu standard bertulis yang menjelaskan garis panduan dan keperluan asas dalam satu sistem pengurusan kualiti.
- ii. Sistem kerja yang terancang , berasaskan keperluan piawaian antarabangsa.Sisten yang terancang akan mempunyai proses-proses yang dikenalpasti, proses-proses tersebut didokumentasikan, dilaksanakan dan dikawalselia.
- iii. Sistem tersebut akan menghasilkan produk atau perkhidmatan yang konsisten kualitinya.
- iv. Sistem kerja yang terancang di mana proses-proses dikawal bagi menghasilkan perkhidmatan yang konsisten kualitinya, ini lebih dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Quality Management System.
- v. MS ISO 9000 akan hanya dikenali selepas Sistem Pengurusan Kualiti itu diberi pengiktirafan persijilan.

5. Kenapa persijilan ISO 9001:2008?

- i. Penekanan terhadap pencegahan dan bukan mengatasi masalah setelah ia berlaku.
- ii. Kajian semula yang berterusan ke atas proses – proses yang kritikal dan membuat tindakan pembetulan.
- iii. Mewujudkan cara kerja yang konsisten dan menepati prinsip betul pertama kali dan setiap kali.
- iv. Mementingkan penyimpanan rekod kualiti untuk membuktikan tindakan yang telah dilaksanakan.

6. Apakah maksud sistem kualiti? (Quality System)

Bermaksud struktur organisasi , tanggungjawab, prosedur-prosedur, proses-proses dan sumber-sumber bagi melaksanakan pengurusan kualiti.

7. Apakah maksud Kawalan Kualiti? (Quality Control)

Kawalan kualiti adalah teknik-teknik dan aktiviti operasi yang digunakan untuk memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan kualiti.

8. Apakah maksud Kepastian Kualiti? (Quality Assurance)

Kawalan kualiti adalah tindakan-tindakan terancang dan tersusun yang perlu dilaksanakan bagi memberikan keyakinan yang mencukupi bahawa produk atau perkhidmatan akan memenuhi keperluan kualiti yang dinyatakan.

9. Apakah lapan prinsip sistem pengurusan kualiti?

- i. Fokus Kepada Perniagaan
- ii. Kepimpinan
- iii. Penglibatan anggota organisasi
- iv. Pendekatan Proses
- v. Pendekatan sistem untuk pengurusan
- vi. Penambahbaikan yang berterusan
- vii. Pendekatan fakta bagi menyelesaikan masalah
- viii. Perhubungan baik (menguntungkan) dengan pembekal.


STATISTIK QSHE

Jenayah Am Tahun 2015 vs Tahun 2016

Jenis Kemalangan / Insiden	Jumlah kes 2015	Jumlah Kes 2016
Kecurian peralatan kabin	3	0
Samun	2	0
Sabotaj (Kebakaran jentera) dan Kabin penimbang	1	1
Kecurian Bateri Genset	1	0
Ceroboh Kawasan Tempat Kerja	1	0
Rompakan peralatan kabin dan Sabotaj (kerosakan peralatan jentera)	1	0

Jenayah AM Tahun 2015 vs Tahun 2016

■ 2015 ■ 2016



Kemalangan / Insiden Tahun 2015 vs Tahun 2016

Jenis Kemalangan / Insiden	Jumlah Kemalangan / Insiden 2015	Jumlah Kemalangan / Insiden 2016
Kemalangan diluar tapak kerja	3	2
Insiden dalam tapak kerja (Lori)	4	0
Insiden dalam tapak kerja (Jentera)	1	0
Kebakaran kabin disebabkan litar pintas	0	1

Kemalangan / Insiden Tahun 2015 VS Tahun 2016

■ 2015 ■ 2016



5S Audit (Good Housekeeping vs Bad Housekeeping)

Good Housekeeping	Bad Housekeeping
	
	
	
	
	





